



Headline: RM152,000 lesap dikikis Malaysian Scam  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 25 January 2018

Language: Bahasa Malaysia  
Section: Setempat  
Page: 20

## RM152,000 lesap dikikis Malaysian Scam

**Subang Jaya:** Wang simpanan sebanyak RM152,239 'lebur' dalam tempoh hanya sejam. Itu nasib malang dialami seorang wanita berusia 56 tahun yang diperdaya sindiket *Malaysian Scam* yang menyamar sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM).

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisyoner Mohammad Azlin Sadari berkata, mangsa dihubungi ahli sindiket itu yang memperkenalkan diri sebagai pegawai bahagian siasatan BNM dan memaklumkan berlaku transaksi mencurigakan membabitkan salah satu akaun bank mangsa.

Katanya, ahli sindiket itu meminta mangsa memberikan semua maklumat akaun bank untuk tujuan semakan kononnya bagi memudahkan proses siasatan.

"Mangsa yang risau kerana kali pertama menerima panggilan sedemikian percaya dan memberikan maklumat kepada ahli sindiket terbabit.

"Selepas memberikan maklumat yang diminta,



**MOHAMMAD Azlin**

mangsa diarah pergi ke cawangan bank terdekat bagi proses memindahkan wang ke akaun lain yang dilindungi.

"Mangsa yang percaya membuat dua transaksi pindahan wang dari dua akaun simpanannya membabitkan RM9,300 dan RM142,939.

"Selepas membuat pindahan, mangsa memaklumkan tindakannya itu kepada suami," katanya.

Suami wanita itu mengesyaki isterinya ditipu sebelum membuat laporan polis.